

2015

17

PCB SEBAGAI CUKAI MUKTAMAD



PENGENALAN

- Pembayar cukai dibenarkan memilih untuk tidak menghantar Borang Nyata Cukai Pendapatan (BNCP) secara **e-filing** atau borang kertas
- PCB sebagai Cukai Muktamad akan berkuatkuasa mulai **Tahun Taksiran 2014**
- Pembayar cukai yang mempunyai pendapatan penggajian sahaja dan mempunyai Potongan Cukai Bulanan (PCB) boleh memilih untuk tidak mengisi BNCP mengikut syarat-syarat seperti di bawah :

SYARAT-SYARAT TAHUN 2014

- 1 Mempunyai satu punca pendapatan penggajian **tidak** termasuk Manfaat Berupa Barangan (MBB) & Nilai Tempat Kediaman (NTK)
- 2 Berkhidmat genap 12 bulan (tahun kalendar) dengan majikan yang sama
- 3 PCB dipotong mengikut kaedah-kaedah Cukai Pendapatan
- 4 Cukai tidak ditanggung oleh majikan
- 5 Suami dan Isteri membuat pilihan taksiran berasingan

SYARAT-SYARAT TAHUN 2015

- 1 Mempunyai satu punca pendapatan penggajian termasuk Manfaat Berupa Barangan (MBB) & Nilai Tempat Kediaman (NTK)
- 2 Berkhidmat dengan majikan yang sama
- 3 PCB dipotong mengikut kaedah-kaedah Cukai Pendapatan
- 4 Cukai tidak ditanggung oleh majikan
- 5 Suami dan Isteri membuat pilihan taksiran berasingan

KEBAIKAN

PEMBAYAR CUKAI

- PCB yang dipotong adalah tepat :
 1. *Take Home Pay* pekerja akan bertambah (tidak terlebih potong)
 2. Tidak perlu lagi menunggu bayaran balik setiap tahun
 3. Tidak perlu bayar baki cukai yang perlu dibayar
 4. Tidak perlu mengemukakan rayuan
- Boleh membuat pilihan untuk menghantar BNCP bagi tujuan bayaran balik pada atau 30 April
- Tiada isu lewat menghantar BNCP
- Dibenarkan untuk menuntut potongan (pelepasan) dan rebat (zakat bukan melalui potongan gaji) melalui Borang TP1 sekurang-kurangnya 2 kali setahun

MAJIKAN

- Majikan dapat membiasakan diri dengan cadangan PCB sebagai Cukai Muktamad kerana :
 1. PCB baharu (PCB 2009) telah dilaksanakan mulai tahun 2009 dimana pelaksanaannya adalah menurus ke arah PCB sebagai Cukai Muktamad
 2. Cadangan PCB sebagai Cukai Muktamad adalah berdasarkan konsep yang sama dengan PCB 2009
- Menggalakkan majikan dan pekerja berinteraksi dengan lebih efektif
- Mewujudkan hubungan lebih erat antara majikan dan pekerja
- Majikan mesti menerima dan memproses Borang TP1 sekurang-kurangnya 2 kali setahun (mana-mana bulan)

PCB SEBAGAI CUKAI MUKTAMAD